

Mampu sumbang pendapatan RM53 bilion pada 2020

17

# Permintaan buluh meningkat di Eropah

um 28/12/09

Oleh ZAINI RABAN  
bisnes@utusan.com.my

**IPOH** 27 Dis. – Industri buluh yang masih baru di negara ini dijangka mampu menyumbang pendapatan sehingga RM53 bilion pada tahun 2020 berbanding RM22.8 bilion pada masa ini.

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Dr. Jalaluddin Harun berkata, keyakinan itu timbul selepas pelbagai pihak kini agresif menghasilkan pelbagai produk berkualiti tinggi berasaskan buluh bagi memenuhi permintaan tinggi dari Eropah.

“Sebelum ini, produk-produk berasaskan buluh hanya berada di peringkat tradisi. Masyarakat hanya mampu menghasilkan bakul, kayu penyepit (chopstick), pencungkil gigi, lidi satay dan layang-layang daripada buluh.

“Bagaimanapun, kini sudah berlaku perubahan besar. Pihak industri didapati lebih kreatif kerana mula menggunakan buluh untuk dijadikan pelbagai perabot menarik yang



**SEORANG** wanita melihat hasil kraf tangan yang diperbuat daripada buluh pada seminar pembangunan industri buluh di Ipoh, baru-baru ini.

setanding dengan produk kayu,” katanya dalam pertemuan bersama media di sini, baru-baru ini.

Jalaluddin berkata, bagi memastikan industri buluh terus berkembang, kerajaan perlu melaksanakan



**SEORANG** pekerja sedang menghasilkan perabot buluh.

projek perladangan buluh bagi memastikan bekalan bahan itu mencukupi sepanjang masa.

Kata beliau, langkah itu sangat penting kerana sehingga kini buluh yang terdapat di beberapa kawasan hutan di negara ini hanya tumbuh secara liar dan tidak dibangunkan secara sistematik bagi tujuan komersial.

“Buat masa ini, kita menghadapi masalah hutan yang semakin mengecil akibat aktiviti penebangan sedangkan kita perlu mengambil perhatian serius terhadap kepentingan alam sekitar.

“Jika kita mengusahakan ladang buluh, kita akan dapat membangunkan satu sumber baru pendapatan negara yang melibatkan industri hiran, huluan malah menjadi pemain utama bagi pasaran global yang kini dikuasai China, Thailand dan Indonesia,” katanya.

Menurut Jalaluddin, pihak industri pembinaan juga wajar menjadikan buluh sebagai bahan kegunaan untuk projek-projek mereka bagi menyelamatkan hutan di negara ini.

“Buluh terbukti boleh dijadikan lantai yang lebih menarik dan selamat berbanding jubin. Selain itu ia boleh dijadikan bahan mencetak

konkrit. Ia boleh menjimatkan kos pembinaan kerana harga kayu pada masa ini terlalu mahal.

“Lebih membanggakan komposit buluh didapati mempunyai ketahanan hampir sama dengan kayu cengal yang merupakan antara kayu keras dan terbaik di dunia, jadi kegunaan buluh ini perlu dioptimumkan,” katanya.

Mengulas perkembangan yang sama, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Razani Ujang berkata, buluh kini tumbuh meliar di kawasan hutan seperti Hutan Simpan Chepa, Kedah; Hutan Simpan Bintang Hijau dan Hutan Simpan Temenggor di Perak.

Beliau berkata: “Kita telah membuat kajian mendalam dan yakin perladangan buluh boleh dikomersialkan kerana tempoh matang rumpunan buluh hanya memakan masa antara dua hingga lima tahun sahaja.

“Berbanding pokok kayu lain, ia memakan masa terlalu lama malah berpuluh tahun untuk mencapai tahap matang, jadi kita perlu memberi perhatian lebih kepada potensi industri buluh ini,” kata Razani.